

PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN PEMBANTU TEKNIK.

TAHUN : 1986.

JURUSAN : UKUR BAHAN

PERKARA : AMALAN & ATURCARA JABATAN

TARIKH : 23HB. JUN, 1986.

MASA : 9.00 - 12.00 TGH.

PERKARA: AMALAN & ATURCARA JABATAN.

ARAHAN KEPADA CALON-CALON

Jawab soalan (1) dan mana-mana lima (5) soalan yang lain.

SOALAN 1 (WAJIB).

- a) Sediakan "penyata kira-kira bagi pemansuhan dan panggilan Tawaran Semula" dengan menggunakan maklumat-maklumat di bawah ini yang mana berkaitan sahaja.

[Gunakan tajuk-tajuk berikut sebagai panduan: maklumat umum, kontrak asal, pembayaran yang terlibat akibat daripada pemansuhan kontrak, perbezaan pembayaran yang dikehendaki]

(15 markah).

I. Butir-butir Kontrak Pertama yang dimansuhkan.

Harga Kontrak: \$1,000,000.00

Bayaran Kemajuan: \$600,000.00 (tidak termasuk nilai arahan pinda kerja).

Kontrak dimansuhkan pada: 1.8.1984.

Arahan Pinda : Pertama : Tambahan \$ 5,000.00
Kedua : Tambahan \$15,000.00
Ketiga : Tambahan \$10,000.00
Keempat : Kekurangan \$17,000.00

Amaun denda: \$50/sehari

Gerenti Perlaksanaan: \$50,000.00 (Telah dirampas pada
pada 10.8.1984 dari Bank
Kwong Yik).

Tarikh milik tapak: 1.8.1983

Tarikh siap kontrak: 1.6.1984

Projek: Klinik Bidan di Semenyih, Johor.

Bil. Kontrak: JKR/IP/007/83.

Lanjutan Masa: Tiada.

Kos Iklan: \$300.00

No.socso Kod majikan): 43211

Nilai Insuran Tanggungan Awam: \$400,000.00

Nilai Insuran Pekerja: \$400,000.00.

Kontraktor: Syarikat Bangun Sdn. Bhd.,
20-B, Jln. Batik, Kuala Sedeli, Johor.

II. Butir-butir Kontrak Kedua.

Harga kontrak: \$650,000.00

Arahan pinda: Pertama-Tambahan \$10,500.00
(sebuah tandas baru)

Aman denda: \$55/sehari

Gerenti Perlaksanaan: \$35,000.00

Tarikh milik tapak: 1.10.1984

Tarikh siap kontrak: 1.5.1985

Bil. Kontrak: JKR/IP/008/84

Lanjutan masa: Dari 2.5.1985 hingga 2.6.1985 sahaja.

Kos Iklan: \$455.00

No. Socso: 44113

Tarikh-siap sebenar: 2.8.1985

- b) Mengikut fasal 51(a) syarat-syarat kontrak dalam keadaan bagaimanakah Kerajaan boleh memansuhkan kontrak?.

(10 markah).

SOALAN 2.

- a) Mengapakah Naskah Meja Tawaran diperlukan dalam satu-satu tawaran?.

(5 markah).

- b) Huraikan borang-borang serta dokumen-dokumen yang diperlukan dalam sesuatu Naskah Meja Tawaran?.

(10 markah).

SOALAN 3.

- a) Satu kerja binaan telah dianggarkan bernilai \$45,000.00. Setelah sebutharga dikeluarkan didapati harga sebutharga yang terendah bernilai \$55,000.00. Apakah tindakan anda selanjutnya dalam memastikan kerja-kerja ini dapat dimulakan dengan secepat mungkin?.

(5 markah).

- b) Dalam keadaan manakah sesuatu kerja 'requisition' itu dapat ditakrifkan sebagai kerja segera/kecemasan?

(5 markah).

- c) Keluarkan satu notis bagi kerja-kerja pembinaan sebuah kuil di Batu 8, Batu Caves yang telah dianggarkan bernilai \$40,000.00.

SOALAN 4.

Sediakan "built-up rates" untuk jenis bahan-bahan berikut bagi menunjukkan perbezaan harga:-

- a) Jenis bahan untuk dinding.

i) 4½" tebal dinding batu-bata lengkap dengan lepa dan cat.

ii) Blok konkrit lengkap dengan cat.

(5 markah).

- b) Jenis bahan untuk tingkap.

i) 2 buah 'Adjustable glass louvre' berukuran 2' 0" x 4' 0" tiap-tiap satu lengkap dengan 'security bars' dan cat.

ii) 'Top hung casement window' berukuran 4' 0" x 4' 0" dan cat.

(5 markah).

- c) Jenis bahan untuk kemas lantai.

i) "cement sand render"

ii) "mosaic paving"

iii) "terazo".

[Gunakan andaian anda bagi kadar harga bahan-bahan yang berkenaan].

(5 markah).

SOALAN 5.

- a) Sebutkan perkara-perkara yang penting yang perlu ada atau disemak sebelum menandatangani dokumen kontrak.

(5 markah).

- b) Sijil Penamat Kerja telah dikeluarkan untuk sebuah projek pada 2.1.1986. Tempuh tanggungan kecacatan ialah 6 bulan. Huraikan dengan teratur perkara-perkara yang berlaku seterusnya sehingga kepada pengesahan Sijil 'Cabutan Butir-Butir Kontrak Yang Telah Disempurnakan' (As Completed Detail Abstract).

(10markah).

SOALAN 6.

Terangkan dengan ringkas perkara-perkara berikut:-

- a) 'On-Site Training Programme'
- b) 'ATDA dan ACDA'
- c) 'Fluctuation of Prices'
- d) 'Sectional Completion'
- e) 'Liquidated and Ascertained Damages'.

(15 markah).

SOALAN 7.

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan Arahan Pinda Kerja?. Terangkan adakah seorang Pegawai Penguasa boleh mengeluarkan arahan pinda kerja tanpa mendapat persetujuan kontraktor terlebih dahulu.

(5 markah).

- b) Adakah Ringkasan Tawaran sebahagian daripada Dokumen Kontrak?.

(5 markah).

- c) Apakah yang dimaksudkan dengan 'Daywork Retes'?.

(5 markah).